

12 APR 1996

ENERGOMAL INGIN MUNCUL SEBAGAI SYARIKAT GERGASI

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

KANGAR, 12 April (Bernama) -- Sebuah syarikat usaha sama Malaysia-Bosnia, EnergoMAL Sdn Bhd berhasrat untuk muncul sebagai pengeluar utama peralatan tenaga elektrik di rantau ini, kata pengarah urusannya Abdul Hamid Zainal Azim.

Menurut beliau, pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh rakan kongsi syarikat berkenaan dari Bosnia dalam bidang berkaitan akan membolehkan syarikat itu mengeluarkan produk berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan di rantau ini.

"Pada peringkat permulaan, EnergoMAL akan mengeluarkan pemutus litar SF6 dan alat ubah SF6 untuk pelanggan utama kami, Tenaga Nasional, sebelum mencari peluang eksport," katanya kepada pemberita selepas upacara memecah tanah untuk pembinaan kilang syarikat tersebut yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Perlis hari ini.

Revolutionary Technology Holdings Sdn Bhd memegang 70 peratus kepentingan dalam projek berharga RM21 juta itu manakala Energoinvest DD Sarajevo dari Bosnia memegang 30 peratus.

Kilang tersebut yang membabitkan pelaburan pertama Bosnia di negara ini akan mengeluarkan kelengkapan suis bervoltan tinggi menjelang Mac tahun depan.

Menurut Abdul Hamid, kerja-kerja bagi membina kilang berkenaan akan bermula Jun ini dan dijangka siap pada akhir tahun. -- BERNAMA

MFJ DIN SIA